

EK

**MAHATHIR GESA WUJUD KESTABILAN PASARAN MINYAK DUNIA**

**KUALA LUMPUR, 2 DIS. (BE BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA SUPAYA MEWUJUDKAN KESTABILAN HARGA MINYAK DI PASARAN DUNIA YANG TELAH TERJEJAS AKIBAT TURUN NAIK HARGA YANG KINI MENGUNTUNGKAN NEGARA-NEGARA BARAT DAN BUKAN NEGARA-NEGARA PENGELUAR.**

**KESTABILAN HARGA ITU JUGA MESTI BEBAS DARIPADA PERUBAHAN TURUN NAIK DOLAR AMERIKA KERANA SEBARANG PERUBAHAN DOLAR BOLEH MEMBERI KESAN BURUK KEPADA EKONOMI NEGARA-NEGARA DUNIA KETIGA, TAMBAH BELIAU. BERUCAP MERASMIKAN KONVENSYEN DAN PAMERAN PETROLEUM KETIGA MAJLIS ASEAN (ASCOPE), BELIAU MENAMBAH KEADAAN SEMUA ORANG AKAN LEBIH SEMPURNA JIKA HARGA KEKAL PADA PARAS DI MANA PARA PENGELUAR DAN PENGGUNA TIDAK MENDERITA.**

**+SAYA YAKIN NEGARA-NEGARA PENGELUAR MINYAK MAHUKAN PERKARA INI BERLAKU. EKONOMI DUNIA SEDANG TENAT KERANA IA TIDAK LAGI BERGANTUNG KEPADA PERDAGANGAN. SEBALIKNYA IA BERGANTUNG KEPADA HARGA-HARGA BARANGAN SEMASA.+**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA KENAIKAN HARGA MINYAK MENJADI SEBAB KEMEROSOTAN DAN KESUKARAN KEPADA NEGARA-NEGARA BUKAN PENGELUAR, DENGAN ITU KEJATUHAN HARGA SEMASA AKAN MENGAKIBATKAN KESTABILAN EKONOMI ATAU SEBALIKNYA.**

**+HAKIKATNYA KEJATUHAN HARGA MINYAK DIDAPATI TIDAK SESUAI UNTUK MENSTABILKAN EKONOMI DUNIA.+**

**+APA YANG BERLAKU IALAH NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG MENGELUARKAN MINYAK MENGHADAPI KEKURANGAN TUNAI, SEMENTARA NEGARA-NEGARA MEMBANGUN YANG BUKAN MERUPAKAN PENGELUAR MINYAK SEMAKIN BERTAMBAH BURUK APABILA HARGA MINYAK MENINGKAT.**

**PERDANA MENTERI BERKATA KEJATUHAN PASARAN TIMAH DUNIA SEMASA SEKALI LAGI MENCERMINKAN KELEMAHAN SISTEM PEMASARAN KOMODITI.**

**+ KINI PETROLEUM MENGHADAPI MASALAH YANG SAMA,+ KATANYA.**

**BELIAU BERKATA ADA MASA TERTENTU NEGARA-NEGARA ASEAN MENUKAR BARANG-BARANG REMPAH BAGI MENDAPATKAN BARANG PERHIASAN KECIL DAN KURANG BERHARGA SERTA BATU PERMATA YANG DIBAWA OLEH PEDAGANG DARI NEGARA-NEGARA BARAT.**

**+ KEADAAN ITU MASIH TIDAK BERUBAH. KITA MASIH MENDAPATKAN BARANG PERHIASAN KECIL DAN KURANG BERHARGA BAGI BARANGAN-BARANGAN**

KITA,+ KATANYA.

+ KITA MENGELUARKAN LEBIHAN PENGELUARAN SEOLAH-OLAH KITA AKAN MENDAPAT HASIL YANG LEBIH. TETAPI APA YANG BERLAKU IALAH LEBIH BANYAK KITA JUAL, LEBIH KURANG KITA MENDAPAT HASIL. SEKIRANYA INI TERUS BERLAKU, SUATU MASA AKAN TIBA APABILA KITA TIDAK BOLEH MENDAPATKAN BALIK KOS PENGELUARAN,+ KATANYA.

MENGENAI DOLAR AS YANG MENENTUKAN HARGA MINYAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KENAIKAN NILAI DOLAR BERBANDING DENGAN MATAWANG TEMPATAN ATAU PENURUNAN NILAI SEBENAR MATAWANG DOLAR AKAN MENJADIKAN BELANJAWAN NEGARA YANG DIRANCANGKAN DENGAN SEBAIK-BAIKNYA, +SUATU YANG TIDAK BOLEH MASUK AKAL.+

BELIAU BERKATA WALAUPUN SESEBUAH NEGARA PENGELUAR BOLEH MENDAPAT FAEDAH DARI DOLAR YANG LEBIH KUKUH, KOS MEMBAYAR BALIK PINJAMAN DAN IMPORT AKAN MENJADIKAN KEUNTUNGAN-KEUNTUNGAN ITU TIDAK SAH, SEMENTARA NEGARA-NEGARA YANG PERLU MENGIMPORT BAHAN API AKAN MENGHADAPI BEBAN YANG LEBIH.

BELIAU BERKATA DARI SEGI YANG LAIN, SEKIRANYA DOLLAR DITURUNKAN, NEGARA-NEGARA PENGELUAR AKAN MENDAPAT KURANG DAN SEKIRANYA MEREKA TELAH MEMINJAM DALAM YEN ATAU KESUKARAN SEMASA, MEREKA AKAN MENGHADAPI MASALAH.

NEGARA-NEGARA PENGGUNA AKAN MEMPEROLEHI SEDIKIT DENGAN PENURUNAN DOLLAR TETAPI SEKALI LAGI MEREKA TERPAKSA Mencari SUMBER-SUMBER TEMPATAN SEMASA UNTUK MEMBAYAR PINJAMAN-PINJAMAN YANG DIBUAT DARIPADALAIN-LAIN SUMBER.

+KADAR PERTUKARAN YANG STABIL ATAU KUKUH BOLEH DIBUAT MELALUI IMPORT ATAU MEMINJAM DARI SUMBER-SUMBER DALAM NEGERI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA ADALAH SALAH UNTUK BERKATA KEUPAYAAN MENAIKKAN PERMINTAAN DENGAN MENGHARAPKAN HARGA DAPAT DINAIKKAN SUPAYA LEBIH BANYAK KEUNTUNGAN AKAN DIPEROLEHI.

JIKA KEUNTUNGAN MAHU DIPEROLEHI IA MESTI DATANG DARIPADA PENINGKATAN KELUARAN BUKAN HARGA, KATANYA.

+MALAHAN EKSPORT PETROLEUM MALAYSIA KITA MELIHATNYA HANYA DALAM KONTEK EKONOMI KESELURUHAN,+ KATANYA.--BE BERNAMA